



Modul Keusahawanan Pelajar: Born To Be Corporate Leader / Entrepreneur

(Modul Team Khas Usahawan Muda-(Tekum)

Muhammad Ashyaraf Sulaiman¹ Noor Zahirah Mohd Sidek²

¹Universiti Teknologi MARA Kedah ,08400 Merbok Kedah, ashraf.lemon@gmail.com

²Universiti Teknologi MARA Kedah ,08400 Merbok Kedah, nzahirah@kedah.uitm.edu.my

ABSTRACT

Modul keusahawanan Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) adalah sebuah modul yang boleh dijadikan panduan kepada tenaga pengajar, guru usahawan, pensyarah yang ingin membentuk sebuah kumpulan usahawan yang berlainan kerana ia menggabungkan antara teori dan praktikal. Modul ini didatangkan dengan beberapa modul kecil, cara untuk mengaplikasikannya serta penilaian penyelesaian dalam kalangan peserta/pelajar/usahawan itu sendiri. Berlatarbelakangkan beberapa modul komprehensif bagi melatih peserta/pelajar/usahawan dimana mereka akan mempunyai syarikat sendiri semasa menggunakan modul ini. Tempoh selama setahun akan digunakan sepenuhnya bagi mereka untuk belajar cara menguruskan syarikat, peranan Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Projek Berimpak Tinggi, Ethics dan Tatacara Dunia Korporat serta Pembahagian Dividen syarikat. Pembentukan syarikat di peringkat universiti akan menjadi medium atau pengujian kejayaan syarikat yang telah diusahakan.

Keywords:Keywords: Modul, KeusahawananKorporat , Pembelajaran

1. PENGENALAN

Modul Keusahawanan Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) merupakan sebuah modul kepada para pelajar khususnya yang berminat dengan keusahawanan korporat. Modul yang perlu disertai selama setahun dan dibahagikan kepada dua bahagian ini mempunyai garis panduan khas bagi memastikan peserta TEKUM memahami serta mengaplikasikan teori yang disediakan disamping mereka mempunyai syarikat (sementara) tersendiri serta pegangan saham mengikut jawatan. Jawatan dalam Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat yang terdiri daripada Pengarah Urusan, Pengurus Besar, CEO, serta Pengurus Eksekutif akan diaplikasikan melalui modul ini dimana setiap ahli syarikat yang terpilih hanya berjumlah 40 orang akan mempunyai peranan masing-masing .

Kelainan berbanding modul keusahawanan lain dapat dilihat dari segi fokus modul yang akan memfokuskan penglibatan peserta dalam Projek Berimpak Tinggi dari segi keuntungan dan keberhasilan projek. Akhir modul dimana sebelum pembubaran syarikat, para ahli eksekutif syarikat perlu mempersembahkan laporan syarikat kepada Penasihat TEKUM berkenaan kejayaan projek mega, peningkatan dapatan saham, serta pengagihan share syarikat kepada ahli eksekutif serta Ahli Lembaga Pengarah (ALP) .

2. LATAR BELAKANG PROJEK

Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) merupakan sebuah organisasi/persatuan/kelab pelajar yang dicadang oleh Exco Usahawan Majlis Perwakilan Pelajar semasa tahun 2012/2013 pada tahun 2012. Kertas cadangan ini diberikan kepada Prof. Madya Dr. Haidar Dzyiauddin yang merupakan Rektor UiTM Kedah ketika itu pada tahun 2012 (kertas kerja penubuhan ada seperti yang dilampirkan) bagi meminta pandangan dan idea bagi penubuhan ini. Setelah berbincang, berdiskusi secara terperinci mengenai penubuhan ini, beliau bersetuju dan meluluskan bagi penubuhan Team Khas Usahawan Muda (TEKUM *atau akan disebut/dipanggil sebagai nama 'syarikat' dalam klausa kerta pembentangan ini*) ini.

Penubuhan Kelab ini telah disokong penuh oleh Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jalinan Industri ketika itu iaitu Dr. Noor Zahirah Mohd Sidek serta Felo Masmed penggal tersebut, Dr. Siti Meriam Ali. Oleh itu, secara rasminya, Dr. Noor Zahirah serta Dr. Meriam Ali dilantik sebagai penasihat bagi Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) ini. Rektor UiTM Kedah pula ketika itu dilantik sebagai Penaung Kehormat TEKUM pada tahun penubuhan tersebut setelah TEKUM ini didaftarkan sebagai Kelab yang sah di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

3. METODOLOGI

Sepanjang kajian dilakukan, beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat telah dijalankan sepanjang 4 Batch TEKUM diadakan. Kaedah pencapaian peserta merupakan kaedah utama yang digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai keberhasilan serta keberkesanan Modul Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) ini. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan modul TEKUM ini daripada tahun 2012 sehingga tahun 2016 di mana sebanyak 4 batch telah berjaya dibentuk dan dihasilkan. Sepanjang kajian dilakukan, kejayaan modul ini diukur dengan kejayaan serta kualiti projek yang dihasilkan bagi setiap batch.

Selain itu, pencapaian peserta dalam mengendalikan atau mengetuai sesuatu projek atau program juga dikira dan diukur bahawasanya mereka telah berjaya mengadaptasi modul TEKUM ini dan mengaplikasikannya melalui projek yang dilakukan itu bersama eksekutif syarikat yang lain. Terdapat sesentengah eksekutif yang tidak pernah langsung berkecimpung dalam mengetuai sebarang projek atau program. Tetapi, dalam Modul TEKUM ini mereka menguji tahap kepimpinan, cara bekerja dalam kumpulan, komunikasi berkesan melalui program yang dikemukakan oleh mereka.

Oleh itu, analisis serta kejayaan peserta dalam menghasilkan beberapa projek yang berimpak tinggi kepada masyarakat, universiti, serta Negara dikaji bagi mengukur tahap penguasaan setiap eksekutif syarikat sebelum mereka menyertai TEKUM dan selepasnya. Cara serta kaedah mereka mengendalikan sesuatu projek atau program itu dikira sebagai salah satu cara bagi mengetahui sama ada mereka telah menguasai modul TEKUM ini ataupun tidak. Kejayaan atau kegagalan sesuatu projek itu merupakan kayu ukur bagi keupayaan mereka bagi mengikuti Modul Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) ini.

4. HASIL / DAPATAN KAJIAN (HASIL PENGGUNAAN MODUL)

4.1 PROSES KEAHLIAN TEKUM

Penubuhan Kelab Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) ini bukanlah tujuannya seperti persatuan/kelab lain dimana keahlian persatuan/kelab lain tidak dipilih dan boleh menyertai mana-mana persatuan begitu sahaja tetapi keahlian TEKUM perlulah melalui beberapa proses penilaian serta temuduga bagi mengenal pasti ahli yang betul-betul layak sahaja yang boleh menyertai team ini. Proses temuduga oleh penasihat atau diwakilkan kepada Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang batch sebelumnya perlu dijalankan dan hanya seramai 40 orang sahaja ahli bagi team ini akan dipilih. Kriteria-kriteria pemilihan ini ada digariskan dalam Garis Panduan TEKUM yang telah digubal sebelum tertubuhnya team ini pada tahun 2012.

Walaupun bagaimanapun, sebelum ahli-ahli ini disahkan sebagai ahli syarikat yang sah oleh Penasihat serta Ahli Lembaga Pengarah TEKUM, mereka perlulah melalui proses The Apprentice selama 6 bulan dahulu dengan membantu batch pada sesi tersebut dengan mengadakan projek-projek tertentu. Sebagai contoh, projek-projek ikonik yang akan diadakan setiap tahun seperti Projek Entrepreneurs's Street Carnival, Projek Pemborongan TEKUM serta Projek Sembang dan Kembara Usahawan akan dibantu oleh Ahli-ahli TEKUM yang baru ini dalam sesi The Apprentice. Batch atau Team yang senior akan memberikan tunjuk ajar dahulu kepada ahli syarikat yang baru ini bagaimana mahu mengendalikan projek-projek seperti di atas. Segala pembelajaran serta jaringan-jaringan perniagaan yang sedia ada akan diberikan kepada mereka semasa tempoh The Apprentice ini bagi membiasakan mereka dengan suasana serta senario korporat Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) selaras dengan misi penubuhan TEKUM yang mahu melahirkan Ahli Korporat/Usahawan yang berjaya.

4.2 STRUKTUR/ORGANISASI TEKUM

Selain itu, ahli-ahli dalam Team Khas Usahawan Muda (TEKUM) mempunyai struktur yang sedikit berbeza kerana budaya syarikat korporat seperti Sime Darby, Petronas, Celcom diterap serta dipraktikkan dalam Budaya Kerja, Cara Berkomunikasi, Struktur Syarikat, Peratus Pegangan Saham Syarikat, Perancangan Strategik, serta Jawatan yang Dilantik. Struktur TEKUM ini ditadbir oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang diketuai oleh *Managing Director (MD)*, *Chief Executive Officer (CEO)*,

Administration Manager, Financial Manager, Marketing Manager, Event Manager serta *Human Resource Manager*.

Manakala, ahli-ahli syarikat yang lain pula dipanggil sebagai *Eksecutive of Company (Exec)*. Setiap jawatan yang ditubuhkan ini mempunyai peranan dan tugas yang tersendiri bagi menggerakkan kesemua program dan projek yang dijalankan oleh TEKUM. Eksekutif-eksekutif syarikat yang lain akan membantu ALP yang dilantik bagi melaksanakan setiap projek ini yang dirancang. Jawatan di atas dilantik setelah mereka menjadi ahli syarikat TEKUM yang sah. Suatu temuduga khas akan dijalankan oleh Penasihat TEKUM bersama Managing Director (MD) diadakan bagi memilih ALP yang baru seramai 7 orang tersebut dalam kalangan 40 orang eksekutif syarikat setelah mereka tamatkan sesi Latihan The Apprentice mereka. Pemilihan tersebut adalah sangat penting bagi memastikan projek dan program TEKUM dapat dilakukan dengan jayanya.

4.3 PERANCANGAN/PERANGKAAAN PROJEK

Mengenai perancangan serta perangkaan projek dan program TEKUM, ALP akan merancang bersama-sama eksekutif syarikat projek dan program tersebut yang akan diadakan selama 1 tahun iaitu selama dua penggal selama mana mereka akan berada dalam TEKUM. Perancangan tersebut termasuklah projek dan program yang melibatkan peningkatan ekuiti serta keuntungan bersih syarikat seperti projek Projek Pemborongan TEKUM, Projek Entrepreneurs Street Carnival (Projek karnival yang melibatkan usahawan Melayu Bumiputera sahaja) , Projek Cakes Of The Day (melibatkan usahawan MARA) , Projek Agropreneur Muda (dengan Kolaborasi FAMA) dan projek yang berkaitan lain.

Manakala, beberapa program pembangunan usahawan juga diadakan bagi membangunkan kompetensi serta kemahiran usahawan ahli syarikat TEKUM sendiri bersama pelajar yang lain. Antara projek yang telah diadakan serta dijadikan sebagai program rasmi dalam perancangan tahunan TEKUM antaranya ialah Program Sembang & Kembara Usahawan, Program Lawatan ke Pusat Industri secara berkala, Program Bootcamp serta Program Pembangunan Usahawan Siswa di mana penyertaannya adalah dalam kalangan pelajar UiTM Kedah sendiri. Program-program sebegini diadakan bagi melatih serta meningkatkan lagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar sendiri.

4.4 PROJEK CSR

Setiap tahun, TEKUM juga mempunyai perancangan khas dalam membangunkan komuniti setempat. Oleh itu, bagi projek *Corporate Social Responsibility (CSR)* akan dimasukkan sebagai salah satu program wajib yang akan dijalankan pada setiap penggal dalam pelaksanaan aktiviti TEKUM. Program CSR seperti “Young and Bright Camp” yang diadakan di sekolah pedalaman terpilih diadakan bagi meningkatkan keyakinan serta motivasi bagi pelajar-pelajar luar bandar bagi membolehkan mereka fokus kepada peperiksaan yang mereka akan hadapi. Antara sekolah yang terlibat adalah SK Haji Omar Tahir, Merbok serta SK Padang Chicar, Sik Kedah. TEKUM UiTM Kedah juga mempunyai Rumah Anak Yatim angkat iaitu Rumah Anak-anak Yatim Ummu Sabariah di Kuala Pegang, Baling Kedah. Oleh itu, kewajipan menunaikan zakat daripada keuntungan syarikat setiap batch TEKUM pada tahun-tahu lepas diberikan kepada rumah anak yatim ini.

4.5 PROJEK IKONIK: SOCIAL ENTREPRENEURSHIP MODEL

Selain itu, satu Projek Ikonik UiTM Kedah dengan Misi bagi membangunkan Persekitaran Komuniti yang seimbang dan produktif bersama UiTM Kedah telah dimulakan pada batch TEKUM ke-3 pada tahun yang lalu dengan anjuran sebuah projek komuniti dan diberi jenama sebagai Program *Youth Entrepreneurship Colloquium and Volunteerism Program 1.0 (Y-ECOVP)* yang disertai oleh pelajar UiTM Semalaysia. Projek yang memfokuskan percambahan idea bagi merangkakan projek ikonik usahawan dalam kalangan peserta yang hadir, program anak angkat serta pemuliharaan paya bakau Merbok ini telah mewujudkan satu bentuk keusahawanan social ataupun *Social Entrepreneurship* yang baru. Keuntungan yang dijana dari yuran penyertaan yang dikenakan pada para peserta pada projek Y-ECOVP Fasa 1 yang lalu telah digunakan bagi membina tangki air di kawasan pedalaman Cambodia iaitu di wilayah Kompot, Phnom Penh. Projek yang berupa kem ini telah mendapat kerjasama penuh oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (Pemuliharaan Tanaman Bakau Sg. Merbok), Majlis Perbandaran Sungai Petani (Pembersihan Kawasan Bakau dari Sampah yang dibuang penduduk Merbok), serta Pertubuhan Peladang Kawasan Merbok (Pembangunan ekonomi penduduk Miskin Merbok).

Projek Social Entrepreneurship peringkat antarabangsa yang diberi nama Projek “*Indochina Travelogue For Entrepreneur, Cultural and Youth Programme (INTECYP)*” diadakan setiap tahun dan dimulakan dengan Batch ke-3 TEKUM sesi 2015/2016. Keuntungan yang dijana daripada projek Y-ECOVP ditambah dengan sumbangan orang ramai telah melancarkan lagi projek pembinaan Tangki Air kepada penduduk miskin di pedalaman Cambodia iaitu di Kompot, Phnom Penh. Projek pembinaan tangki

air ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan asas penduduk di situ yang sekian lama tidak mempunyai sumber air bersih, tetapi pada masa yang sama juga hubungan yang dijalinan antara Malaysia-Cambodia ini dilihat mampu mengeratkan lagi hubungan sesama ASEAN serantau.

4.6 PEMBAHAGIAN SHARE/SAHAM

Pembahagian share atau saham adalah bergantung kepada jawatan yang dipegang oleh seseorang eksekutif dalam TEKUM itu sendiri. Ini adalah disebabkan, jumlah modal berbayar yang disumbangkan oleh setiap ahli akan menentukan sebanyak mana mereka akan dibayar dividen berdasarkan jawatan yang dipegang antara 40 eksekutif syarikat dalam TEKUM. Sebagai contoh, seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan TEKUM, Managing Director (MD) perlu membayar sebanyak RM120 (mewakili 4.61%-seorang) , CEO sebanyak RM100 (mewakili 3.85%-seorang), Managers seramai 5 orang sebanyak RM80 (mewakili 3.08%-seorang) dan Eksekutif biasa seramai 33 orang sebanyak RM60 (mewakili 2.31 %-seorang) .

Keseluruhan modal yang terkumpul adalah sebanyak RM2600. Dividen ini diberikan kepada semua ahli syarikat dengan persetujuan oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan juga pengesahan oleh penasihat TEKUM sendiri. Walaubagaimanapun, pembahagian dividen ini hanya disyiharkan apabila semua hutang-hutang syarikat ataupun sebarang sekatan berkaitan TEKUM diselesaikan. Pembahagian share ini akan dibayar dalam bentuk tunai sahaja dan bergantung kepada kata putus oleh Managing Director serta Ahli Lembaga Pengarah TEKUM.

4.7 PEMBUBARAN SYARIKAT

Pembubaran syarikat dilakukan apabila tamatnya sesi satu-satu batch apabila cukupnya tempoh operasi selama satu tahun ataupun 2 penggal. Pembubaran hanya dilakukan setelah pembahagian saham syarikat diberikan kepada semua eksekutif TEKUM. Ahli Lembaga Pengarah perlu mengisytiharkan pembubaran syarikat dan disahkan oleh Penasihat TEKUM. Apabila bubarnya suatu sesi/batch TEKUM itu, semua eksekutif syarikat secara langsung akan dimasukkan ke dalam kumpulan Alumni TEKUM .

5. KESIMPULAN

Pemerhatian serta analisis dilakukan bagi penambhaikan Modul TEKUM ini dari tahun 2012 sehinggalah tahun 2016 iaitu dari Batch pertama sehinggalah sekarang Batch ke-4. Penambahbaikan serta beberapa modul telah diubahsuai bagi memastikan kompetensi serta penghadaman modul ini kepada para peserta berjaya dihasilkan serta menepati misi dan visi asal TEKUM iaitu ingin menghasilkan pelajar atau eksekutif usahawan muda yang bukan sahaja mempunyai teorikal usahawan , tetapi juga mahir dan mempunyai kemahiran yang menjadi keperluan industry di luar seperti kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, proaktif dalam kerja serta lain-lain.

Selain itu, adalah dicadangkan juga agar diadakan satu Konvensyen Usahawan seperti mana yang telah dipraktiskan oleh Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Semasa di konvensyen ini lah, syarikat yang terlibat membentangkan hasil perniagaan serta keusahawan yang mereka telah berhempas pulas selama satu tahun itu kepada umum. Prestasi syarikat, serta kejayaan projek-projek mega perlu dibentangkan bagi memastikan percambahan idea serta inspirasi kepada usahawan-usahawan muda yang baru dapat digarapkan. Kedudukan serta tahap kewangan syarikat melalui pembahagian dividen kepada semua eksekutif syarikat wajar diumumkan semasa perbentangan syarikat bagi menaikkan semangat ahli-ahli baru yang menyertai sama TEKUM ini.

REFERENCES

-